



Ruj. Kami : JPA(I)S.176 / 7 / 80 / 7 Klt. 2 (6)
Tarikh : 8 Mei 2020 / 15 Ramadhan 1441H

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA ATAU SEPENUH MASA TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP)** merupakan penajaan pengajian di bawah Jabatan ini yang ditawarkan kepada **Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan** untuk melanjutkan pengajian secara separuh atau sepenuh masa di peringkat pengajian seperti berikut:

- i) Pengajian secara **SEPARUH MASA** yang melibatkan pengajian di peringkat **Ijazah Pertama sahaja**; dan
- ii) Pengajian secara **SEPENUH MASA** yang melibatkan pengajian di peringkat **Sijil atau Diploma Kemahiran (TVET), Diploma atau Ijazah Pertama**.

3. Dalam hubungan ini, Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk **mengemukakan pencalonan dari kalangan AKP dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan yang berminat dan berkelayakan untuk program penajaan ini. AKP yang memohon program penajaan ini hendaklah mengikuti **pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang telah dimiliki**.

4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mematuhi tatacara, syarat serta tarikh tutup permohonan / pencalonan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Pengajian secara **SEPARUH MASA** :
 - a) Tarikh permohonan *online* melalui portal eSila (<http://esilav2.jpa.gov.my/>) bermula daripada **8 Mei 2020 sehingga 10 Julai 2020**. Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan adalah pada **17 Julai 2020**;
 - b) Maklumat lanjut serta syarat-syarat permohonan / pencalonan adalah seperti di **Lampiran A**.
- ii) Pengajian secara **SEPENUH MASA** :
 - a) Tarikh permohonan *online* melalui portal eSila (<http://esilav2.jpa.gov.my/>) dan pencalonan Ketua Jabatan / Perkhidmatan adalah bermula daripada **8 Mei 2020 sehingga 30 April 2021**;
 - b) Maklumat lanjut serta syarat-syarat permohonan / pencalonan adalah seperti di **Lampiran B**.

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pegawai penyelaras yang boleh dihubungi melalui emel atau telefon adalah seperti berikut:

- i) **Pengajian Separuh Masa** : Telefon – 03 8885 3569 / 3371 atau emel penawaranldp@jpa.gov.my;
- ii) **Pengajian Sepenuh Masa** : Telefon – 03 8885 3367 / 3468 / 3518 atau emel sp.bmi@jpa.gov.my .

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam